

Permintaan guru tadika tinggi

■ AeU tawar diploma GDipECE selama dua tahun diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Oktober 2012 menyatakan ianya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan guru prasekolah swasta adalah guru berauliah manakala selebihnya belum memiliki kelayakan sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kesedaran ibu bapa dalam memastikan anak mereka menghadiri prasekolah juga kian meningkat, malah ada antaranya mula ditempatkan di prasekolah seawal umur empat tahun.

Angka ditunjukkan sememangnya sesuatu yang membimbangkan apatah lagi berdasarkan NKRA Pendidikan pada 2012 terdapat per-

tambahan 200,000 murid prasekolah dan jumlah itu dijangka terus meningkat pada tahun berikutnya.

Kecenderungan ini secara tidak langsung menyaksikan banyak sekolah tadika dibuka dan sehingga Januari tahun lalu, lebih 140 taska berdaftar beroperasi di



IBU bapa semakin mengutamakan pendidikan prasekolah anak masing-masing.
— GAMBAR HIASAN

Kuala Lumpur.

Jumlah itu tidak termasuk taska moden seperti Islamic Montessori yang tumbuh dengan pesatnya atas keperluan semasa bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang sanggup berbelanja lebih bagi memastikan anak mereka mendapat pendidikan sewajarnya.

Secara dasarnya, kos bagi menghantar seorang anak menghadiri prasekolah di bandar adalah antara RM200 dan RM800 sebulan bergantung kepada jenis prasekolah dan kawasan penempatan. Ini tidak termasuk caj kelas tambahan seperti kelas bahasa ketiga dan kelas kemahiran khusus yang diadakan selepas waktu kelas biasa.

Dengan berlakunya pertambahan taska, keperluan terhadap tenaga pengajar juga turut meningkat dan ia datang dengan permintaan ibu bapa yang semakin cerewet.

Selainnya mereka sanggup berbelanja, mereka juga mahu memastikan tenaga pengajar daripada mereka yang mempunyai kelayakan atau berauliah.

Sehubungan itu, Asia e University (AeU) menyediakan program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Graduate Diploma in Early Childhood Education (GDipECE).

Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) AeU, Prof Dr John Arul Philips berkata, program yang ditawarkan itu diluluskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Ramai ibu bapa mahukan guru tadika yang mengajar anak mereka memiliki ke-



DR John

layakan dan inilah dilema dihadapi kebanyakan pengusaha tadika.

"Kebanyakan guru tadika sekadar mengikuti program jangka pendek sedangkan peranan dimainkan guru sangat besar dan mereka memerlukan sekurang-kurangnya diploma untuk menjadi tenaga pengajar kepada kanak-kanak prasekolah."

"Peran yang dimainkan guru prasekolah besar kerana kanak-kanak pada usia ini sangat bergantung kepada

mereka dan apa saja yang diajar akan diserap ke dalam diri mereka. Sehubungan itu mereka memerlukan latihan dan kelayakan yang betul dalam mendidik kanak-kanak," katanya.

Dengan berbekalkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), program GDipECE ditawarkan kepada guru tadika yang bekerja dan ia mengambil masa dua tahun dan hanya datang ke kelas sekali sebulan saja.

Sepanjang pengajian GDipECE, pelajar diberi pendedahan kepada 18 subjek bersesuaian keperluan pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah.

FAKTA
Kos bagi seorang anak menghadiri prasekolah di bandar adalah antara RM200 dan RM800 sebulan